

## PRESS – PRINT

<b>Publication</b>	Utusan Malaysia	<b>Day/Date</b>	Fri, 10 May 2024
<b>Section</b>	Dalam Negeri	<b>Page No(s).</b>	4
<b>Circulation</b>	40,000	<b>Frequency</b>	Daily
<b>Headline</b>	DSA 2024: Kontrak RM9.4 bilion dimeterai		

# DSA 2024: Kontrak RM9.4 bilion dimeterai

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menandatangani kontrak bernilai RM9.4 bilion sepanjang empat hari Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024.

Sepanjang pameran, Kementerian Pertahanan menandatangani 40 dokumen bernilai RM7.3 bilion melibatkan aset baharu Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

KDN pula menandatangani 14

kontrak membabitkan 14 syarikat tempatan dengan nilai keseluruhan RM2.156 bilion termasuk perolehan aset seperti enam buah helikopter untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan kamera badan kegunaan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perolehan itu bertujuan memastikan kesiapsagaan ATM dan keupayaan anggota untuk melaksanakan tugas dalam menjaga kedaulatan negara.

“Malaysia bersempadan dengan Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Filipina, pada masa sama operasi rondaan dilakukan 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, jadi kita perlukan kelengkapan yang boleh membantu anggota menjalankan tugas dengan berkesan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penutup Pameran DSA dan NATSEC 2024, di sini, semalam.

Tambahnya, semua kontrak yang ditandatangani melibatkan kerja penyelenggaraan,

penambahbaikan, pembelian aset dan menggantikan sistem pengurusan trafik udara.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata KDN telah menandatangani 14 kontrak membabitkan PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

“Kontrak termasuk pembelian aset jentera pelbagai guna PDRM, kapal induk, kamera badan untuk anggota dan enam

unit helikopter kegunaan Maritim Malaysia,” katanya.

Saifuddin berkata, semua perolehan dilakukan ada signifikan dan berimpak tinggi bagi meningkatkan keupayaan dan keselamatan negara membabitkan agensi di bawah seliaannya.

“Kesemua perolehan ini adalah signifikan seperti enam unit helikopter baharu adalah untuk membantu tugas kawalan maritim seluas 590,000 kilometer persegi akan dapat diurus dengan lebih baik oleh Maritim Malaysia,” katanya.